

Kes demam denggi di Selangor membimbangkan

Catat peningkatan 131.5 peratus sejak tamat PKP dan sektor sosial dibuka semula

SHAH ALAM

Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor pada Isnin dimaklumkan bahawa kadar kes harian demam denggi di negeri itu menunjukkan peningkatan yang membimbangkan sejak berakhirnya tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan sektor sosial kini dibuka seperti sedia kala.

Exco Kesihatan Awam, Perpaduan, Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, trend tersebut dilihat bermula sejak minggu epidemiologi (ME) 46 pada tahun ini dengan sejumlah 31,822 kes demam denggi dilaporkan sehingga 19 November.

"Ia adalah peningkatan sebanyak 131.5 peratus atau 18,077 kes berbanding minggu sama pada tahun lepas (2021),



DR SITI MARIAH

SIDANG DUN
SELANGOR

dengan sebanyak 13,745 kes," katanya ketika menjawab soalan bertulis **Harumaini Omar (BN-Batang Kali)**.

Dalam pada itu katanya, kerajaan negeri memperuntukkan sejumlah RM5 juta setiap tahun untuk membasmi nyamuk aedes bagi mengekang penularan demam

denggi termasuk program yang dilaksanakan bersama agensi dan jabatan berkaitan.

"Kerajaan negeri juga sedang melaksanakan inisiatif penggunaan racun *Bacillus Thuringiensis Israelensis* (BTI) di kawasan *hotspot* dan penggunaan dron bagi tujuan pengawalan dan pencegahan denggi di kawasan yang sukar dicapai seperti bumbung rumah.

"Sehingga 31 Oktober, kerajaan negeri menyediakan sebanyak 2,000 kilogram racun BTI kepada 10 pihak berkuasa tempatan di Selangor dalam usaha menggalakkan penggunaan racun di kawasan *hotspot* dan kawasan awam," jelas beliau.

Sementara itu, Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, kerajaan Selangor mengagihkan sebanyak 14,649,397 dos vaksin Covid-19 setakat Oktober lalu kepada 4,330,200 orang dewasa (96.2 peratus); 519,617 remaja (91.6 peratus) dan 320,909 kanak-kanak (43.9 peratus) yang telah menerima dos lengkap vaksin berkenaan.

"Selain itu, seramai 4,069,818 orang atau 89.4 peratus menerima satu dos penggalak vaksin Covid-19," katanya ketika menjawab soalan **Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (Pas-Sijanggang)**. - Bernama